



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION)

Blok Produktiviti, Lorong Produktiviti Off Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya, Selangor D.E., Malaysia
Tel: 03-79557266/79557050/79557085,
Fax: 03-79551824, 79606264(Blok Produktiviti), 79540795 (Promosi),
<http://www.mpc.gov.my>



(Badan Berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri-MITI)

MPC (CRO)800-1(2020)

10 Disember 2020

Y Bhg. Dr Edly Ferdin Ramli

EFR Management Consultant

2909-8, Jalan Merbau 3, Bandar Putra

81000 Kulai, Johor Darul Takzim

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI PENCERAMAH UNTUK PROGRAM *PRODUCTIVITY WEBINAR*

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) melalui Bahagian Khidmat Nasihat & Perundingan Produktiviti (PACS) telah bersetuju untuk melantik tuan sebagai Penceramah program seperti dinyatakan di atas dengan jumlah bayaran sebanyak **RM2,500 untuk lima (5) siri Webinar** seperti yang telah dinyatakan dalam surat Sebut Harga syarikat tuan. Bagi tujuan ini, pembayaran kepada tuan akan dijalankan melalui **EFR Management Consultant** selaku Penyelaras Program ini.

3. Sekiranya pihak tuan bersetuju dengan lantikan ini, sila maklumkan pengesahan ini dengan mengembalikan surat Akuan Setuju Terima kepada pihak kami dalam tempoh **7 hari** daripada tarikh surat ini. Kegagalan tuan mengesahkan persetujuan ini dalam tempoh tersebut menyebabkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.

4. MPC amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang tinggi dari pihak Tuan dalam menjayakan **PROGRAM PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK *PRODUCTIVITY MELALUI WEBINAR*** nanti dapat memberikan manfaat kepada semua peserta yang menyertai sesi tersebut dan terus produktif melalui perubahan landskap baharu industri di Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(ROSMI ABDULLAH)

Pengarah

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti (PACS)

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

MPC(CRO)800-1(2020)

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
P.O. Box 64, Jalan Sultan
46904 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

(U.P.: Encik Rosmi Abdullah)

Tuan,

**AKUAN SETUJU TERIMA PELANTIKAN SEBAGAI PENCERAMAH UNTUK
PROGRAM *PRODUCTIVITY WEBINAR***

Saya _____ mewakili pihak syarikat, **EFR Management Consultant, No. K/P: _____** bersetuju dilantik sebagai **Penceramah** program bagi lima (5) siri Program *Productivity Webinar* dengan jumlah keseluruhan bayaran sebanyak **RM2,500.00**. Saya memahami dan akan mematuhi pelaksanaan khidmatperundingan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MPC.

2. Sekiranya saya gagal mematuhi mana-mana perkara yang dinyatakan di dalam spesifikasi tersebut, pihak MPC berhak untuk membatalkan perlantikan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :